"The fishing boats tried to flee towards international waters when they were ordered to stop.

"The enforcement vessel had to overtake them and board the boats by force. All the fishermen on board were Vietnamese men aged between 16 and 61," she said during a press conference at the MMEA Tok Bali office yesterday.

Khairun Dalilah said the four boats had some 6,000kg of fish on board, and put the value of the catch, navigation and communication equipment as well as diesel seized in the operation at RM3.86 million.

"The case will be investigated under Section 6(1) of the Immigration Act 1963 for failure to provide any valid identity document, and the four skippers (face charges) under Section 16(3) of the Fisheries Act 1985," she said.

She added that a total of 17 Vietnamese fishing vessels with 137 fishermen and skippers on board have been detained by the Kelantan MMEA so far this year, with an estimated RM18.56 million in seized items. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# 43 nelayan asing 'curi' hasil laut negara kena tahan

**Pasir Puteh:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan 43 nelayan asing dan merampas bot, peralatan menangkap ikan serta hasil ikan dengan nilai keseluruhan RM3.86 juta, Khamis lalu.

Timbalan Pengarah Operasi Negeri Maritim Negeri Kelantan, Komander Maritim, Khairun Dalilah Baharin, berkata suspek berusia 16 hingga 61 tahun itu ditahan bersama empat bot menerusi Op Damai, Op Khas Kuda Laut, Op Naga Barat dan Op Tiris.

Beliau berkata rondaan dilakukan Kapal Maritim Amanah (KM Amanah) di sempadan perairan Malaysia - Vietnam.

Katanya, rampasan membabitkan bot, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 7,000 liter.

"Kira-kira 6,000 kilogram (kg) hasil tangkapan ikan turut dirampas dengan tangkapan bot pertama dan kedua pada jam 8.18 pagi dan 9.01 pagi di kedudukan 125 hingga 150 batu nautika dari muara Tok Bali.

"Ketika mengiringi dua bot tahanan, kapal penguat kuasa mengesan dua lagi bot nelayan dalam keadaan mencurigakan di kawasan berhampiran dan berjaya menahan bot berkenaan pada jam 2.32 petang dan 2.50 petang," katanya dalam sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau berkata, semua bot tidak memberikan kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan perairan namun Maritim Malaysia bertindak memintas bot dan melakukan 'force boarding' untuk menghentikan bot-bot berkenaan.

Katanya, selepas pegawai dan anggota menaiki bot nelayan Vietnam itu, mereka akhirnya mengalah dan akur memberikan kerjasama.

"Proses membawa balik bot tahanan mengambil masa 30 jam kerana sebuah bot mengalami kerosakan dan terpaksa ditunda sebelum tiba di Jeti Maritim Negeri Kelantan jam 4 pagi Jumaat lalu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

"Semua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara dan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Department working to expand milkfish farming | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 25 Sep 2023 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 93 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 259 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 777 |



# Fisheries Department working to expand milkfish farming

**JERTIH:** The government, through the Fisheries Department, is actively working towards expanding the milkfish farming industry nationwide.

Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain said milkfish has long been popular in other countries such as the Philippines and Indonesia, and demand in the domestic market has also increased over the years.

"The production of milkfish in this country has increased to 9,276 metric tonnes last year, compared to only 2,819 metric tonnes in 2021," he told reporters after launching the Marine Fish Alternative Programme at the Tanjung Demong Fisheries Research Institute (IPP) here yesterday.

He said that currently, only one company in Batu Lintang, Sungai Petani, Kedah is conducting milkfish farming on a commercial scale in this country.

However, it has to import milkfish fry from abroad, but the supply was still limited, he said.

Therefore, Adnan said the Tanjung Demong IPP had conducted research on milkfish fry and breeding to enhance the quality of broodstock.

"Starting from July 4, a total of 11 brood fish and 30,000 14-day-old fry were imported into Malaysia and bred at the Tanjung Demong IPP. As a result, the broodstock laid 100,000 eggs on Aug 3 and up to today, 4.6 million eggs have been produced," said Adnan, who also presented milkfish fry to 10 marine fish farmers from Kelantan, Terengganu and Pahang.

He also said that milkfish is easier to farm than other marine fish such as barramundi, grouper or snappers, and the department is targeting that by 2025, the milkfish supply will be able to meet the high demand for marine fish in the country. — Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Fama Pahang bantu pasarkan lebih 3.5 tan duku Terengganu

**Kuantan:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang membantu dalam memasarkan lebih 3.5 tan duku Terengganu bagi mengelak pekebun mengalami kerugian akibat berlaku lambakan buah berkenaan.

Pengarahnya Saiful Sadri berkata, pihaknya menjangkakan menerima bekalan buah berkenaan selama sebulan namun boleh melanjutkan penerimaan buah sehingga musim berakhir sekiranya lambakan masih berlaku.

Menurutnya, lambakan buah duku berlaku di daerah Marang dan Hulu Terengganu yang sememangnya dikenali sebagai lokasi pengeluaran pelbagai buah-buahan tempatan.

"Pengeluaran serentak dengan jumlah yang banyak menjadi faktor utama berlaku lambakan buah duku Terengganu kali ini.

"Ini bukan kali pertama Fama Pahang membantu memasarkan buah duku Terengganu kerana sebelum ini kita turut membantu memasarkan buah bermusim lain seperti rambutan, cempedak dan manggis," katanya ketika dihubungi, semalam.

**"Pengeluaran serentak dengan jumlah yang banyak menjadi faktor utama berlaku lambakan buah duku Terengganu kali ini"**



KAKITANGAN Fama Pahang menerima bekalan duku Terengganu di Pusat Operasi Fama Kuantan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Katanya, pengeluaran buah rambutan, duku dan dokong pada musim ini dianggap luar biasa apabila kebanyakan pokok matang mengeluarkan hasil dalam jumlah yang banyak hingga berlaku lambakan.

"Sekiranya tidak segera berusaha membantu memasarkan buah berkenaan kemungkinan berlaku lambakan dan kemusnahan hasil pertanian berkenaan menyebabkan pekebun rugi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 26 |

# Bisnes




KAKITANGAN Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong memunggah beras putih sempena majlis pelancaran beras tempatan di Kedai Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong, Pasir Mas, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Beras di Kelantan cukup walaupun terjadi banjir



Bekalan beras dihantar di PPK Kangkong pada Ahad.

**KOTA BHARU -** Musim tengkujuh tidak akan menjejaskan pengeluaran beras di negeri ini berikutan jumlah pengeluaran bahan mentah itu melebihi penggunaan setakat ini.

Pengarah Kawal Selia Padi Beras Kelantan, Mohamed Fadhli Abdul Azid berkata, penggunaan beras di negeri ini antara 11,000 hingga 12,000 tan metrik beras dalam tempoh sebulan.

Menurut beliau, petani di Kelantan boleh menghasilkan kira-kira 91,000 tan metrik padi untuk semusim dan jumlah itu mencukupi jika berlaku banjir.

"Banjir sukar diramal tetapi jika berdasarkan rekod sebelum ini, Kelantan masih mampu mengeluarkan beras kerana ada sumber dari negeri lain," katanya ketika Sidang Akhbar Khas Berkaitan Isu Beras Putih Tempatan (SST) dan Pelancaran Jualan Secara Besar-Besaran di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong di sini pada Ahad.

Mohamed Fadhli juga memberitahu, bekalan turut diterima dari Kedah, Selangor dan beberapa syarikat pengeluar beras di negara ini.

Jelas beliau, bekalan beras putih tempatan diyakini mencukupi kerana tanaman musim kedua padi bagi 2023 bakal dituai hujung bulan ini.

Selain itu beliau berkata, pihaknya sedang mengagihkan beras di beberapa pasar raya yang kehabisan makanan utama itu.

"Sebenarnya beras ada melainkan terdapat individu yang melakukan pembelian panik dengan membeli jumlah yang banyak," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Penjaja Cashless Agrobank lancarkan urus niaga komuniti Simpang Pelangai

**BENTONG** - Para penduduk termasuk golongan penjaja di sekitar Simpang Pelangai, di sini menerima kemudahan pembayaran tanpa tunai melalui perkhidmatan Penjaja Cashless yang disediakan oleh Agrobank.

Penjaja Cashless merupakan inisiatif Agrobank bagi memperluaskan kemudahan pembayaran tanpa tunai yang ditawarkan oleh institusi kewangan pembangunan itu khususnya kepada golongan penjaja serta peniaga kecil di seluruh negara.

Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi berkata, perkhidmatan Penjaja Cashless mampu melancarkan urus niaga dalam kalangan komuniti di kawasan Simpang Pelangai dengan lebih cepat dan selamat.

"Inisiatif tanpa tunai (Penjaja Cashless) ini bakal memberikan kelebihan kepada para penjaja dalam aspek pengurusan kewangan yang lebih efisien di samping memberi peluang kepada mereka mengembangkan perniagaan menerusi pilihan pembayaran yang pelbagai.

"Malah, perkhidmatan ini juga mampu meningkatkan sistem pengurusan inventori yang lebih berkesan yang memberi manfaat besar kepada perniagaan mereka," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* dalam Program Kayuhan Amal dan Pelancaran Penjaja Cashless Agrobank di sini, pada Jumaat.




**Zahid (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan zakat Agrobank kepada salah seorang asnaf dengan disaksikan oleh Young Syefura (tengah) sempena Program Kayuhan Amal dan Pelancaran Penjaja Cashless Agrobank di Simpang Pelangai, Bentong pada Jumaat.**




**Young Syefura (tengah) dan Zahid (depan, tiga dari kiri) bergambar sebelum memulakan Program Kayuhan Amal dan Pelancaran Penjaja Cashless Agrobank di Simpang Pelangai, Bentong pada Jumaat.**

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman dan turut dihadiri Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia dan Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri, Fadzli Mohamad Kamal.

Dalam pada itu, Zahid memberitahu bahawa pihaknya menyasarkan 50 peratus penggunaan perkhidmatan Penjaja Cashless oleh golongan penjaja di seluruh Pahang.

"Untuk peringkat awal ini, penggunaan perkhidmatan ini disediakan kepada kumpulan penjaja yang mendapat pembiayaan Agrobank di bawah Skim Newbiz.

"Secara keseluruhannya, Pahang ini merupakan antara negeri paling aktif menyediakan komuniti tanpa tunai dengan lebih 1,000 peniaga menyertainya termasuk di Ulu Tembeling, Jerantut," jelas beliau.

Terdahulu, sekitar 30 peserta termasuk Young Syefura menyertai kayuhan amal sejauh 26 kilometer bermula dari Dataran Telemong ke tapak lokasi pelancaran Cashless Agrobank di Simpang Pelangai.

Dalam majlis yang sama, seramai empat penjaja menerima surat tawaran pembiayaan NewBiz Agrobank selain penyerahan sumbangan zakat kepada golongan asnaf di kawasan itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | THE SUN | NEWS | 4 |

# Villagers grateful for RM1 rice sale programme

**NGO sells 1,000 packs at special price, distributes 120 for free to underprivileged, senior citizens and pregnant women**



Residents of Kampung Datuk Seri Kamaruddin at the event yesterday. – *BERNAMAPIC*

**LUMUT:** Locals from Manjung formed a queue as early as 6am to purchase 5kg of imported rice for only RM1 during a *Misi Jual Beras RM1* event in Kampung Datuk Seri Kamaruddin yesterday.

Officially starting at 9.30am, it took about 30 minutes for the goods to be completely sold out.

Taman Samudera resident Siti Nordiana Kassim, 25, said she learned about the event from her neighbour, who shared it on social media.

"I have never had this opportunity (to buy rice for RM1). My neighbour and I came here early because we did not want to miss out."

Local resident Halijah Kassim, 65, said she joined the queue at 7am.

"At first, I thought it was just a scam because no one has sold rice for only RM1. However, the village head promoted it in our WhatsApp group. Only then did I believe it.

"This event should be held more often because the price of rice has suddenly gone up. So, it helps reduce our expenses."

Ayer Tawar resident Suraya Ibrahim, 42, said the event provided relief as she spends around RM50 just to purchase rice for her family.

"Although I could only buy a bag of rice, it still lightens my family's monthly expenses."

The inaugural programme by NGO Misi Rakyat provided 1,000 packs of rice and distributed an additional 120 packs for free to selected recipients, including the underprivileged, senior citizens and pregnant women, Bernama reported.

Its founder Nur Ahmad Faiz Mohd Azmi said another such event would also be held in Kedah tomorrow.

"We want to assist the less privileged in buying rice, considering the sudden increase in the price of the staple food.

"We also hope that it can be implemented nationwide, if there are parties willing to contribute to this programme."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | NST | NEWS | 7 |

RICE SHORTAGE

# CAKE: Rahmah price will not address underlying issues

**KUALA LUMPUR:** The government's move to introduce Rahmah prices for imported rice at Rahmah Sales events may become a double-edged sword, said the Consumers Association of Kedah (Cake).

Its president, Yusrizal Yusoff, said the move may not address the underlying supply issues affecting the staple food in the country.

While the move allowed consumers to buy imported rice at a lower price, he said, the government would need to fork out subsidies to absorb the normal price of the items.

"In addition, we are supposed to promote homegrown produce instead of encouraging people to buy imported rice," he told the *New Straits Times*.

On ways to resolve the rice supply issue, Yusrizal said government agencies such as the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) should distribute local rice to retailers in areas where there was a shortage instead of selling it only at *pasar tani*, which are open only on certain days.

He said the authorities should consider this method to resolve the matter because consumers, including those living in rural areas, normally get their rice supply from sundry shops near their homes.

Yusrizal said the onus was on the government to conduct studies on rice supply issues nationwide and to be transparent with the information.

"Please stop accusing consumers of 'panic buying'.

"Present us with the data showing there is indeed a spike in purchasing trends with specific information, including the locations, so that all quarters can address the issue accordingly."

He reiterated calls for the authorities to investigate any case of "missing" local white rice supplies, which could likely be due to issues at the manufacturers' or wholesalers' level.

"However, Cake has run checks with padi farmers and manufacturers in the state, and they have assured us that they are not hoarding any supply. So, at which point did our rice go missing, causing a shortage in supplies?

"Up to June, the local white rice was available as usual, and imported rice accounted for about 30 to 35 per cent of the demand in the country."

He said it was unlikely for individual consumers to buy rice in large amounts as it would take up space and the item would get damaged if it was stored for an extended period.

He said food traders had an estimation of how much rice they needed for their businesses, and they would not buy "well over their routine purchases".

In terms of local rice production, he said, Malaysia produced 700 to 800 metric tonnes of padi in the last harvest season, 400 metric tonnes of which came from Kedah.

He said even if there was a drop in local rice production, any shortage would not be that drastic.

On Friday, Acting Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the ministry had started selling imported rice at Rahmah prices in every Rahmah Sales programme across the country.

Consumers will be able to get 5kg of imported rice at a price not exceeding RM15 and a 10kg bag at a price below RM30 at any Rahmah Sales programme in their area.

He said this had been decided at the National Action Council on Cost of Living meeting chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi on Wednesday to deal with the temporary disruption of local rice supply and the increase in the price of imported rice.



*Consumers Association of Kedah president Yusrizal Yusoff speaking to a sundry shop owner during a CAKE inspection of local rice supply at Pasar Besar Alor Star recently.* PIC BY ZULIATY ZULKIFFLI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | THE STAR | NATION | 8 |

# Poultry, flower and pomelo farmers hope for incentives

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

**IPOH:** With the rising cost of living and lack of funding, poultry, flower and pomelo farmers are hoping for incentives to be announced in the coming Budget 2024.

Manjung Poultry Farmers Association chairman Datuk Tan Wooi Perng said he hoped the government would support the poultry industry and would announce interest-free loans in Budget 2024.

Tan said the interest rate is currently more than 3%, and poultry farmers are not making profits.

"Due to the unpredictable weather, chickens are facing disease problems, their growth is affected and they are not putting on weight accordingly.



**Wooi Perng:** 'The high interest rate is not helping either.'



**Swee Kong:** 'We are not rich farmers, we are merely surviving.'

"We face losses and the high interest rate is not helping either.

"Cost is also involved as poultry farmers are advised to change the system from open farming to a closed-house one by 2024," he said when contacted.

Cameron Highlands Floriculturist Association president Lee Peng Fo hoped the government would provide some form of incentives for fertilisers and chemicals used in the farms.

He said one tonne of fertiliser could cost between RM2,000 and RM4,000, and farmers required about three tonnes per month.

"The rental of 0.4ha of land after Covid-19 has also been increased to RM4,500 from RM2,000 per year. Farmers usually have 1.2ha of land.

"I am hoping that the government will provide incentives because business is very slow these days.

"Our flower business has reduced between 40% and 50%, and it will be good if farmers are exempted from paying tax as well," he added.

Pomelo growers in Tambun are also hoping for some good news come this Budget.

Pomelo farm owner Tan Swee Kong, who is also the group's spokesperson, said he hoped that incentives would be provided.

He said the majority of the farmers are small-time growers.

"I do hope some form of incentives on equipment and fertilisers would be provided to us.

"We spend RM300 for one bag of 50kg fertiliser, and depending on the size of the farm, we need at least 10 bags per month," he added.

He said the government should promote pomelos extensively.

"Some 8.9ha of land had been taken away last year for development, and for us growers, the land size is becoming smaller by the day.

"I hope the Prime Minister, who is our MP, will look into our plight of yet to be granted land titles.

"We are not rich farmers, we are merely surviving. And I hope Tambun, known for its pomelos, will continue to carry the legacy because in time to come, the farms may not remain here anymore," he added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |


Dalam tempoh setengah jam beras habis dijual

# Ribuan beratur beli beras 5kg harga RM1




Orang ramai datang seawal 6 pagi untuk membeli beras putih import berjenama SITI dengan hanya RM1 pada Program Misi Jual Beras RM1 di Padang Kampung Dato' Seri Kamaruddin Manjung pada Ahad.

**LUMUT**

Ribuan penduduk di sini sanggup beratur panjang untuk membeli beras putih import yang dijual dengan harga RM1 sekampit seberat 5 kilogram, yang diadakan di Padang Kampung Datuk Seri Kamaruddin di sini pada Ahad.

Program Misi Jual Beras RM1 yang bermula 9.30 pagi itu, hanya mengambil masa kira-kira setengah jam sahaja untuk terjual sepenuhnya.

Bagi suri rumah, Siti Nordiana Kassim, 25, dari Taman Samudera di sini, berkata, beliau sanggup beratur seawal pukul 6 pagi untuk membeli beras itu yang dimaklumkan mengenai penjualan beras tersebut daripada jirannya.

"Ini memang peluang (membeli beras RM1) yang tidak pernah saya dapat. Saya bersama jiran datang ke sini awal pagi sebab tidak mahu terlepas untuk membelinya," katanya ketika ditemui pemberita.




Seorang warga emas, Halijah Kassim, 65, dari Kampung Datuk Seri Kamaruddin di sini juga tidak mahu melepaskan peluang untuk mendapatkan beras tersebut dan mula beratur di situ sejak 7 pagi tadi.

"Pada mulanya ingatkan program ini *scam* sahaja sebab tak pernah mana-mana pihak jual beras hanya RM1. Namun, apabila ketua kampung menguar-uarkan dalam kumpulan WhatsApp, baru mak cik percaya.

"Program (beli beras RM1) ini patut diadakan lebih kerap kerana sekarang harga beras pun naik mendadak, jadi dapat jugalah mengurangkan perbelanjaan dapur," katanya.

Suraya Ibrahim, 42, dari Ayer Tawar dekat sini berkata, pembelian beras RM1 benar-benar memberi kelegaan kepada dirinya yang membelanjakan kira-kira RM50 untuk pembelian beras sahaja bagi keperluan keluarganya.

"Walaupun hanya dapat beli sekampit beras, namun dapat juga meringankan beban perbelanjaan bulanan keluarga yang ditanggung sepenuhnya oleh suami," kata ibu kepada dua orang anak itu.

Program anjuran badan bukan kerajaan (NGO) Misi Rakyat menyediakan sebanyak 1,000 kampit beras lima kilogram dan turut menyumbangkan 120 kampit beras seberat lima kg kepada golongan asnaf, warga emas dan ibu hamil yang terpilih.

Sementara itu, pengasas Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd Azmi berkata, program penjualan beras putih import jenama SITI itu pertama kali dilaksanakan pihaknya dan Program Misi Jual Beras RM1 itu akan dijayakan di Kedah pada Selasa ini.

"Kami melaksanakan program sebegini kerana mahu membantu golongan kurang berkemampuan membeli beras memandangkan makanan ruji itu meningkat harga begitu mendadak ketika ini.

"Kami juga berharap program ini dapat dilaksanakan di seluruh negara sekiranya ada pihak yang sudi menyumbangkan bagi pembelian beras ini," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# 1,000 kampit beras RM1 licin dalam 30 minit

**MANJUNG** – Sebanyak 1,000 kampit beras 5 kilogram (kg) yang dijual pada harga RM1 pada program Jualan Gegar Misi Rakyat di dewan Kampung Dato Seri Kamaruddin, di sini semalam licin dalam tempoh 30 minit.

Rata-rata penduduk Seri Manjung, Sitiawan dan Lumut tiba di lokasi jualan seawal pukul 6 pagi bagi melakukan pembelian.

Seorang pembeli, Mohd. Hafiz Mohd. Zon, 35, berkata, dia tiba di dewan tersebut selepas solat subuh bersama seorang rakan di masjid berhampiran.

"Apabila kami tiba, sudah ramai yang beratur bagi membeli beras itu. Ada yang maklumkan kepada saya mereka tiba di lokasi program seawal pukul 6 pagi.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana berpeluang membeli beras murah tersebut. Adakalanya memang susah nak jumpa beras di pasaran," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Ujar seorang lagi pembeli, Nur Fatin Musa, 29, dia yang merupakan seorang ibu tunggal sangat bersyukur dengan program tersebut kerana gajinya hanya diterima beberapa hari lagi.

"Saya tinggal di Kampung Serdang, Sitiawan dan tiba di lokasi program seawal 6 pagi. Ibu menjaga anak, sementara saya ke sini bagi membeli beras murah ini.

"Dapatlah saya dan seorang anak serta ibu bertahan sementara menunggu gaji beberapa hari lagi. Program seperti memang membantu kami," katanya.

Sementara itu, pengasas Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd. Azmi, 32, berkata, pihaknya turut menyumbangkan 120 kampit beras 5kg kepada golongan asnaf, ibu hamil dan warga emas.

Katanya, tindakan menjual beras murah oleh pertubuhan bukan kerajaan tersebut adalah kerana pihaknya memahami kesusahan hidup yang ditanggung oleh rakyat ketika ini ekoran masalah bekalan makanan ruji penduduk Malaysia tersebut.



**NUR AHMAD FAIZ (kanan) bersama pembeli beras 5kg berharga RM1 di Manjung semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# 1,000 kampit beras RM1 licin dalam 30 minit

**MANJUNG** – Sebanyak 1,000 kampit beras 5 kilogram (kg) yang dijual pada harga RM1 pada program Jualan Gegar Misi Rakyat di dewan Kampung Dato Seri Kamaruddin, di sini semalam licin dalam tempoh 30 minit.

Rata-rata penduduk Seri Manjung, Sitiawan dan Lumut tiba di lokasi jualan seawal pukul 6 pagi bagi melakukan pembelian.

Seorang pembeli, Mohd. Hafiz Mohd. Zon, 35, berkata, dia tiba di dewan tersebut selepas solat subuh bersama seorang rakan di masjid berhampiran.

"Apabila kami tiba, sudah ramai yang beratur bagi membeli beras itu. Ada yang maklumkan kepada saya mereka tiba di lokasi program seawal pukul 6 pagi.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana berpeluang membeli beras murah tersebut. Adakalanya memang susah nak jumpa beras di pasaran," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Ujar seorang lagi pembeli, Nur Fatin Musa, 29, dia yang merupakan seorang ibu tunggal sangat bersyukur dengan program tersebut kerana gajinya hanya diterima beberapa hari lagi.

"Saya tinggal di Kampung Serdang, Sitiawan dan tiba di lokasi program seawal 6 pagi. Ibu menjaga anak, sementara saya ke sini bagi membeli beras murah ini.

"Dapatlah saya dan seorang anak serta ibu bertahan sementara menunggu gaji beberapa hari lagi. Program seperti memang membantu kami," katanya.

Sementara itu, pengasas Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd. Azmi, 32, berkata, pihaknya turut menyumbangkan 120 kampit beras 5kg kepada golongan asnaf, ibu hamil dan warga emas.

Katanya, tindakan menjual beras murah oleh pertubuhan bukan kerajaan tersebut adalah kerana pihaknya memahami kesusahan hidup yang ditanggung oleh rakyat ketika ini ekoran masalah bekalan makanan ruji penduduk Malaysia tersebut.



NUR AHMAD FAIZ (kanan) bersama pembeli beras 5kg berharga RM1 di Manjung semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |



PEMERIKSAAN bekalan barang keperluan di Pasir Gudang mendapati ia mencukupi untuk pengguna.

Tiada ketirisan bekalan di Pasir Gudang

# Telur, minyak masak tepung semua cukup

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menegaskan barang keperluan termasuk minyak masak, tepung dan telur masih banyak dan mudah diperoleh di kawasan Pasir Gudang ketika ini.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, hasil pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan di beberapa premis pasar raya di Pasir Gudang mendapati, tidak timbul isu kekurangan bekalan barang keperluan seperti yang didakwa.

"Sehingga kini tiada aduan rasmi diterima KPDN Johor berhubung isu gangguan kekurangan bekalan keperluan ini," katanya di sini semalam.

Terdahulu, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim menggesa KPDN mengadakan Program Jualan Rahmah (PJR) di kawasan parlimennya bagi mengatasi masalah ketiadaan barang keperluan asas.

Lilis memberitahu, pihaknya akan mengadakan PJR di kesemua 26 Parlimen dan 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) termasuk di Pasir Gudang minggu ini.

"PJR secara luar premis dan bergerak akan diadakan di Taman Pasir Putih dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Cendana pada 29 dan 30 September ini.

"PJR kali ini menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian di antara 10 hingga 30 peratus lebih murah daripada harga biasa membabitkan barangan seperti gula, tepung, telur ayam, ikan, ayam, beras, buah-buahan dan sayuran," ujarnya.

Dalam itu, Lilis memberitahu, orang ramai diingatkan agar membeli barangan mengikut keperluan sahaja dan tidak membuat pembelian berlebihan.

Katanya, perkara itu bagi mengelakkan timbul pembelian panik dalam kalangan pengguna.

"Peniaga juga diingatkan tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya dalam tempoh ini dan tindakan tegas diambil sekiranya mereka (peniaga) dikesan melakukan kesalahan berkaitan bekalan dan harga," tegasnya.